

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 42 RABU 15 OKTOBER, 1969 1389 رابو 3 شعبان PERCHUMA

ISTIADAT PERKAHWINAN DI-RAJA AKAN

**BERLANGSONG PADA
6HB NOBEMBER 1969.**

BANDAR BRUNEI. — Satu Istiadat Perkahwinan Di-Raja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz akan di-langsungkan pada hari Khamis 6 N o b e m b e r hadapan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana Bandar Brunei.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna ada-lah Puteri sulung kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Suri Bagawan Raja. Sementara Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz ada-lah anakda kepada Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.

Sa-bagai m e m u l a k a n upacara perkahwinan Di-Raja itu, Istiadat Berjarum2 akan di-langsungkan esok, hari Khamis, 16 Oktober ini pada jam 2.00 petang di-Istana Darul Hana.

Achara2 penoh-nya ada-lah saperti berikut:

Hari Khamis, 16hb. Oktober jam 2.00 petang — Istiadat Berjarum2.

Hari Khamis 23hb. Oktober, jam 2.30 petang — Istiadat Membuka Gendang Jaga2, sementara pada malam-nya Istiadat Menghantar Tanda.

Hari Juma'at 24hb. Oktober, jam 2.30 petang — Istiadat Menghantar Pertunangan.

(LIHAT MUKA 8)



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna.



Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz.



M. B. tinjau projek pelabohan Muara

PEKAN MUARA. — Menteri Besar Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pg. Hj. Abd. Rahim, pada petang Sabtu lalu telah melawat dan menyaksikan kerja2 pembenaan Pelabohan Ayer Dalam di-Muara.

Beliau di-iringi oleh Penu-long Setia Usaha Kerajaan Pengiran Dato Paduka Momin bin Pg. Hj. Ismail dan Awang Jaya bin Abd. Latif dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Sa-tiba Yang Amat Mulia dan rombongan di-Muara, telah di-sambut oleh Pesuruh-jaya Kemajuan, Awang J. L. Firth; Pegawai Peranchang Bandar, Awang Litherland; dan Pengarah Laut Awang Jack Turner.

Jurutera Perunding Awang S. C. Mathews bagi Sharikat Sir Bruc White, Wolfe, Barry dan Rakan2 telah membawa rombongan Menteri Besar itu ka-bilek khas, di-mana telah di-berikan penerangan2 rengkas mengenai semua projek pelabohan itu.

Dengan menaiki kapal Kerajaan 'Lela Menchanai' rombongan itu kemudian-nya menyaksikan kerja2 membena sa-
(Lihat Muka 8)

Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof (kiri) Awang J. L. Firth dan Pengiran Dato Paduka Momin.

Istana nafikan pertunangan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pg. Temenggong

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Mulia Pengiran Pengawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bagi pihak Istana telah menafikan berita akhbar tempatan Borneo Buletin keluaran Sabtu 11hb. Oktober, 1969 yang menyiarkan berita kemungkinan pertunangan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohamed Bolkiah dengan sa-orang kerabat Di-Raja Johor.

Yang Amat Mulia Pengiran Haji Mokhtar Puteh menafikan dengan keras-nya berita itu.



Kerja2 pembenaan ranchangan bekalan ayer di-Tutong akan di-mulakan 20 Okt.

BANDAR BRUNEI. — Kerja2 pembenaan ranchangan bekalan ayer di-Tutong akan di-mulakan pada 20 Oktober dan ia-nya di-jualakan siap menjelang akhir tahun 1971.

Badan2 pemborong sedang sebak membuat persiapan2 untuk memulakan kerja2 pembenaan itu.

2,645 orang chalun ambil pereksa L.C.E.

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 2,645 orang chalun dari seluruh negeri sekarang ini sedang mengambil pepercaksan Sijil Rendah Pelajaran.

Pepercaksan yang telah bermula pada hari Isnin itu di-adakan di-19 buah pusat pepercaksan — 10 di-Bandar Brunei, 5 di-Seria, 2 di-Kuala Belait, satu di-Tutong dan satu di-Temburong.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, sa-ramai 360 orang dari chalun2 yang mengambil pepercaksan itu ada-lah chalun2 private yang mana 175 orang hanya mengambil satu mata pelajaran.

Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei yang mengemukakan 391 orang chalun ada-lah bilangan yang terbesar sekali mengambil pepercaksan tersebut dalam aliran Melayu. Pada tahun lalu sekolah tersebut juga mengemukakan 441 orang chalun.

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei yang mengemukakan 276 orang chalun ada-lah bilangan yang terbesar sekali mengambil pepercaksan tersebut dalam aliran Inggeris.

Sa-ramai 432 orang chalun dari tujuh buah sekolah misi di-negeri ini juga mengambil pepercaksan itu.

Pada tahun lalu sa-ramai 2,437 orang chalun dari seluruh negeri telah mengambil pepercaksan yang sa-rupa.

Kontrek di-berikan kepada sa-buah sharikat perkongsian yang mengandungi sharikat pembenaan Wo Hing dari Hong Kong dan sharikat Winley-Sabah dengan menelan belanja \$14.5 juta.

Kerja2 pembenaan itu ia-lah kerana kontrek kejuruteraan awam bagi perengkat pertama yang meliputi pembenaan pemasangan sa-buah steshen pengepam yang berhampiran dan kerja2 bagi pemurnian ayer.

Ia-nya juga termasuk pemasangan saloran yang jarak-nya kira2 55 batu antara Tutong, Brunei dan Muara.

Termasuk dalam kontrek itu ia-lah pembenaan sa-puluh buah kolam ayer yang akan membekalkan kawasan2 yang ramai dengan penduduk2 di-daerah2 itu.

Perengkat kedua projek itu meliputi pembenaan kolam2 ayer-tambahan dan pemasangan saloran kepada beberapa buah kampung di-kawasan2 jauh dari bandar, yang akan di-mulakan akhir tahun hadapan.

Ranchangan itu ia-lah untuk menyediakan bekalan ayer-berseh yang menchukopi bagi Daerah Brunei - Muara dan Tutong.

Bangunan balai pulis Kuala Belait di-perbaiki

KUALA BELAIT. — Bangunan Balai Pulis Di-Raja Kuala Belait akan di-ubah dan di-perbaiki.

Pesuruhjaya Pulis mengumumkan bahawa semasa kerja2 memperbaiki bangunan itu, anggota2 pulis dan kaki-

Balai Bomba yang telah memulakan perkhidmatan-nya baru2 ini telah di-lengkapkan dengan alat2 melawan kebakaran yang moden, dan 25 orang ahli serta pegawai balai yang terlatah.

Balai Bomba yang ke-empat di-bena di-negeri ini telah siap dalam awal tahun ini dengan menelan belanja \$350,000.

Gambar atas menunjukkan dua buah kereta bomba yang di-tempatkan di-balai tersebut.

Dua yang lain-nya ia-lah di-Tutong yang telah menjalankan perkhidmatan - nya awal tahun ini dan satu lagi di-Temburong.

Perkhemahan pengakap Daerah Tutong

TUTONG. — Perkhemahan pengakap Daerah Tutong telah di-adakan di-Sungai Pengasing Sengkarai sa-lama tiga hari.

Perkhemahan yang telah berakhir pada hari Sabtu lepas itu telah di-hadiri oleh lebeh

dari 100 orang pengakap dari daerah itu.

Kemunchak dari achara perkhemahan itu ia-lah satu temasha unggun api yang telah di-adakan pada malam Sabtu.

Anatara yang datang melawat ka-perkhemahan itu termasuk-lah Penulong Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Awang Shahbudin bin Saleh dan Pesuruhjaya Penyusun Pengakap, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad.

Jambatan Sungai Bera di-tutup

Jambatan di-Sungai Bera, Seria, dekat batu 56 Jalan Brunei/Kuala Belait mulai 13 Oktober lepas telah di-tutup kepada lalu lintas pada tiap2 hari dari jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi.

Penutupan itu ia-lah untuk memudahkan kerja2 membaiki jambatan itu di-jalankan.

Penyemboran ubat D.D.T.

TEMBURONG. — K a k i tangan Projek Penghapus Malaria, telah memulakan gerakan menyembor ubat DDT di-rumah2 di-dua puluh dua buah kampung di-Daerah Temburong.

Rombongan projek tersebut di-jangka menyiapkan kerja2 di-kampung2 yang mempunyai 328 buah rumah, dengan penduduk-nya sa-ramai 2,107 orang itu menjelang 20 Oktober ini.

Ada-lah di-anggarkan 1,088 litre ubat DDT akan di-gunakan di-dua puluh dua kampung itu.

TIDAK-LAH dapat se-siapa menafikan bahawa masjid ada-lah tempat mulia untuk membuat ibadat di-sisi Uga-ma Islam, masjid juga ada-lah merupakan satu lambang perpaduan dan ketinggian Uga-ma Islam.

Dalam masa kita mem-peringati semula kejadian Isra' dan Mi'raj 1389 tahun dahulu, patut juga-lah kita ingati tempat2 bersejarah yang ada kaitan-nya dengan peristiwa Isra' dan Mi'raj dan tidak lari dari tarikh dan kemuliaan Uga-ma Islam, di-antara lain sa-bagaimana yang telah kita ketahui yang mana di-terangkan oleh Allah subhanahu-wataala di-dalam kitab suci Al-Koran al-karim bahawa permulaan Isra' ia-lah di-Masjidil-haram (di - Mekah) dan di-akhiri di-Masjidil-Aqsa (Palastin).

Dalam memperkatakan perkara masjid ini sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. ada menyen-toh yang bermaksud bahawa:

"Umat Islam ada-lah di-suroh bermusafir (mengam-bara) ka-masjid2 yang tertentu ia-itu tiga buah masjid. Per-tama, Masjidil-haram (Me-kah); Kedua, — Masjidin-Nabawi (di-Madinah) dan ke-tiga — di-Masjidil-Aqsa (di-Palastin)".

Sa-masa Isra' dan Mi'raj kita telah dapat memahami bahawa tempat2 yang di-sing-gahi oleh Rasulullah s.a.w. ada-lah tempat2 yang ber-sejarah dan ada kaitan-nya dengan Uga-ma Islam.

Untuk pengetahuan kita ber-sama ada baik-nya di-nyatakan serba ringkas perkara2 yang telah terjadi ka-atas Masjid Al-Aqsa ia-itu salah sa-buah daripada masjid2 yang di-suroh Rasulullah s.a.w. mengambara itu.

Menurut tawarikh bahawa Masjid Al-Aqsa ada-lah masjid yang kedua di-dirikan di-dunia ini dan Masjid Al-Aqsa ada-lah kiblat sembahyang orang2 Islam sa-belum di-perentahkan Allah mengubah

Kilang beras Luangan Dudok

TUTONG. — Ahli2 Persatuan Peladang Luangan Dudok Tutong, tidak lama lagi akan mempunyai sa-buah kilang beras, yang berharga kira2 \$6,000.

Persiapan2 bagi memasang kilang tersebut sedang di-jalankan.

Yang Di-Pertua persatuan itu, Awang Ali bin Haji Mokti berkata, pembenaan kilang tersebut, ada-lah satu daripada projek persatuan tersebut, bagi menolong ahli2-nya.

MASJID AL-AQSA HARUS DI-JAGA KESUCHIAN-NYA DARI DI-CHABULI OLEH MUSOH2 ISLAM

KHUTBAH JUMA'AT

Masjid Al-Aqsa ada-lah masjid kedua di-dirikan di-dunia dan kiblat sembahyang orang2 Islam sa-belum di-perentahkan mengubah kiblat ka-Masjidil Haram di-Mekah

kiblat ia-itu ka - Masjidil-haram (Mekah). Ketiga, Masjid Al-Aqsa juga tempat berakhir-nya Isra' Nabi kita dan tempat permulaan Nabi Mi'raj. Ke-empat, di-sana juga - lah tempat Nabi menjadi imam bersembahyang Jemaah sa-belum Mi'raj dengan para Nabi2 yang mana nikmat itu ada-lah sa-besar2 nikmat yang belum pernah di-rasai oleh Nabi2 sa-belum Baginda.

Dari sini faham-lah kita bahawa Masjid Al-Aqsa ada-lah satu tempat suci yang

mempunyai kelebihan2 yang tersendiri yang mana kesucian masjid itu patut-lah di-hormati oleh umat Islam seluroh-nya, serta di-jaga kesucian-nya itu, jangan sampai di-chabuli oleh musoh2 Islam walau di-mana pun tempat kedudukan-nya.

Keimanan sa-seorang yang di-sertai dengan amal ada-lah jalan untuk menuju kepada kejayaan dan keselamatan, ketenteraman hidup dan ketenangan fikiran.

Oleh itu ada-lah di-serukan kepada seluroh umat muslimin



hendak-nya menguatkan iman serta membanyakkan amal dan menjauhi dari segala rupa maasiat yang di-larang, muga2 kita mendapat kemenangan dan kebahagiaan di-dunia dan di-akhirat.

Pepereksaan kelas dewasa 24 Oktober

BANDAR BRUNEL. — Sa-ramai 1,452 orang calon, akan memasuki pepereksaan kelas dewasa, yang akan di-adakan di - beberapa buah pusat, sa-lama tiga hari mulai 24 Oktober ini.

Sa-ramai 657 orang dari mereka akan mengambil pepereksaan peringkat per-mulaan; 524 menengah dan 271 peringkat tertinggi.

Pepereksaan untuk pereng-kat permulaan, ia-lah bacaan dan renchana Rumi serta kira2, sementara peringkat menengah dan tertinggi ia-lah bacaan dan renchana Jawi serta kira2.

Pagi Pelawat di-tanggohkan

BERAKAS. — Pagi Pelawat ka-khemah Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas yang di-jadualkan akan di-adakan pada hari Jumat 17 Oktober ini ada-lah di - tanggohkan kepada 14 November hadapan.

Sa - orang juruchakap re-giment itu menyatakan, pe-nanggohan itu ada-lah di-se-babkan kesibokan yang di-jalankan oleh anggota2 regi-ment itu.

Pagi Pelawat itu ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia, badan2 kebajikan dan sekolah2.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15 Okt., 1969 hingga ka-hari Selasa 21 Okt. 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
15 Okt.		12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
16 Okt.		12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
17 Okt.		12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
18 Okt.		12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
19 Okt.		12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
20 Okt.		12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
21 Okt.		12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



15 Oktober, 1969

MATALAMAT PENUNTUT

DARI bulan ini hingga awal Disember ada-lah merupakan saat2 yang amat genting dalam pertarungan pelajar2 dalam menghadapi ujian2 pelajaran mereka, terutama yang menduduki peperiksaan bagi mendapatkan sijil2 yang tertinggi. Pelajar yang sudah di-pengaruhi oleh rasa "tawar hati untuk belajar", maka segera akan membuat penentuan untuk meninggalkan saja bangku sekolah atas alasan "otak sudah kebal" "mahu bekerja" dan berbagai2 alasan lagi. Lebeh2 lagi apabila mereka gagal dalam menempoh ujian2 peperiksaan yang sedang mereka tempoh sekarang ini. Tetapi bagi pelajar2 yang memang mempunyai kemahuan yang besar untuk menempoh arus ilmu pengetahuan untuk persediaan2 dalam menghadapi pergolakan yang semakin berubah2 ini maseh bagitu merasa sayang untuk meninggalkan bangku sekolah yang di-kasihkan. Lebeh2 lagi apabila mereka mencapai kejayaan yang boleh mengketengahkan mereka di-lapangan penuntutan ilmu pengetahuan, maka mereka akan berjalan terus sa-hingga membolehkan mereka berdiri dengan tegoh-nya.

Berjaya dan gagal sudah menjadi perkara biasa, tetapi "gagal" tidak akan dapat dikenal oleh penuntut2 yang menumpukan usaha2 yang amat mendalam terhadap tugas mereka sa - bagai p e l a j a r . Pelajar2 yang mudah merasakan muak dengan bangku sekolah dapat-lah di-katakan sebagai sa-orang anak yang menghampakan harapan orang tuanya yang berkeinginan besar untuk melihat anak itu supaya dapat bersaing dengan anak2 yang maju.

Rencana ini tidak bertujuan untuk membicarakan satu persatu akan sebab2 kenapa penuntut2 yang sa-demikian sudah berasa jemu dengan bangku sekolah, chuma kita ingin mengingatkan penuntut2 yang mungkin berangan2 untuk meninggalkan bangku sekolah mereka, supaya berfikir dua kali sa-belum membuat keputusan. Ada sa-tengah2 penuntut apabila berjaya mendapat Sijil Pelajaran Rendah, umpama-nya, sudah merasa chukup dan segera berhenti kerana ingin bekerja. Penuntut yang bersikap demikian akan menghadapi kerugian yang besar terutama bagi diri-nya sendiri.

Kerajaan ada-lah sentiasa menggalakkan dan memberi peluang belajar apa juga jenis pelajaran yang boleh mendatangkan faedah bagi anak2 tempatan untuk melayakkan diri mereka memegang jawatan2 yang terdapat sama ada di-Jabatan2 Kerajaan atau pun sektor2 pribit. Janji sa-umpama ini hanya akan dapat di-penohkan oleh anak2 tempatan apabila mereka menempoh kejayaan yang di-perlukan. Dan untuk ini pelajar2 harus menyimpan tekad yang kukuh agar hasrat yang mulia ini — yang di-sediakan untuk mereka — dapat di-penohkan nanti. Pelajar harus menyedari matalamat yang sa-benar-nya akan peranan mereka di-masa depan terhadap bangsa dan negara.



Gambar kiri: Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Haji Awang Mohd. Zain ketika berucap sa-belum merasmikan sambutan Isra' dan Mi'raj perengkat negeri.

Sa-bahagian daripada jemputan khas dan orang ramai yang telah menyaksikan sambutan Isra' dan Mi'raj di-Daerah Tutong (atas).



MEMPERINGATI ISRA' DAN MI'RAJ BERARTI MEMASHORKAN TANDA2 KEBESARAN ALLAH

PADA malam hari Rabu lepas, 8 Oktober, 1969 bersamaan dengan 27 Rajab, 1389 telah berlangsung sambutan Isra' dan Mi'raj bertempat di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei di-bawah anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei.

Sambutan di-Dewan Madrasah itu ada-lah merupakan kemuncak daripada acara2 sambutan Isra' dan Mi'raj yang di-adakan di-seluruh daerah2 di-negeri ini kechuali Daerah Temburong.

Sambutan perengkat negeri itu telah di-penuhi oleh acara2 peraduan membaca sajak yang di-ambil bahagian oleh persatuan2 belia dan penuntut2 dan peraduan nashid antara sekolah2, yang mewakili daerah2 bagi merebut kejohanan sa-negeri.

Sambutan tersebut telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin, Pemangku Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Sharahan khas telah di-sampaikan oleh Sharifah Dorah binte Syed Mohammad yang serba sedikit telah menerangkan kebesaran Nabi Besar kita Muhammad s.a.w.

Pengerusi sambutan perengkat negeri itu, Awang Yahya bin Haji Ibrahim telah memberikan ucapan-nya dan dalam naskah susunan ranchangan beliau telah menyatakan tujuan besar bagi sambutan itu.

"Memperingati dan membesarkan hari Isra' dan Mi'raj berarti memperingati dan memashorkan tanda2 kebesaran Allah subhanahu wata'ala dan memuliakan mu'jizat Nabi kita Muhammad s.a.w., kerana hari Isra' dan Mi'raj itu boleh-lah kita gelarkan sa-bagai hari perhubungan iman yang paling besar yang mana pada hari itu-lah terchubanya kepercayaan seluruh manusia yang ada di-Mekah sama ada yang Islam atau pun kafir.

Adakah pada hari itu manusia2 seperti itu akan menerima kata2 sa-orang Rasul Allah atau tidak? Allah telah menjadikan hari itu sa-bagai perhubungan atau "peperiksaan".

Di-samping itu hari Isra' dan Mi'raj juga mempunyai signefesi yang agong tentang perhubungan manusia dengan Allah ta'ala ia-itu ketika Nabi Muhammad s.a.w. telah di-perjumpakan dengan Allah ta'ala dan Allah ta'ala telah mengurniakan hadiah yang paling besar ia-itu-lah "Sembahyang Lima Waktu". Hal ini tiada pernah terjadi kepada Nabi2 dan Rasul2 yang lain.

Memandang kepada besar-nya pengertian hari ini dari segi kepercayaan dan Ugama, maka sudah sepatut-nya ia di-hidupkan dan di-muliakan, baik sa-chara sederhana atau sa-chara besar2an.

Di-zaman sekarang yang terkenal dengan nama zaman bulan, pengertian Isra' dan Mi'raj makin bertambah luas kerana ia juga akan dapat menguji keimanan sa-saorang tentang kekuasaan Allah — tentang cherita2 dalam buku lama yang mengesahkan hal2 bumi yang berada di-atas tandok kerbau, hal lapisan2 langit dan lain2. Semua kemajuan ini menchabar iman sa-saorang Islam — dan di-atas semua itu menyuruh-nya menyelidik dan mencheri hasrat2 Isra' dan Mi'raj yang maseh banyak benar tiada di-ketahui oleh akal manusia.

Pengetahuan sa-saorang Islam tentang hal2 sains

dan teknik di-zaman ini sudah boleh di-anggap sa-bagai "fardhu kifayah", kerana jika tiada maka bagaimana mereka akan menerima perkara2 itu dan menyebarkan-nya kepada orang lain? Pengetahuan ada-lah syarat iman. Iman yang buta dan kosong tiada banyak memberi faedah kepada iman itu sendiri."

Sajak2 yang di-pertandingkan pada malam itu ada-lah mempunyai unsur2 keimanan pada mendukung hakikat ke-Islaman pada sa-tiap pemelok2-nya.

Johan dalam peraduan membaca sajak tersebut di-menangi oleh Awang Jumat bin Idris, wakil dari Daerah Belait; Naib Johan, Awang Abu Bakar bin A. Latif dari Daerah Brunei dan Muara; dan ketiga, Awang Ya'akob bin Mohammad dari Daerah Tutong. Johan berpasokan di-menangi oleh Sekolah Ugama Muhammad Alam, Seria.

Sementara dalam peraduan nashid yang mempunyai unsur2 memuji kebesaran Nabi telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong yang menjadi johan dalam bahagian murid2 lelaki; Naib Johan, Sekolah Ugama Muhammad Alam Seria (Daerah Belait) dan ketiga, Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah, Daerah Brunei. Johan bagi murid2 perempuan di-menangi oleh SMMP, dari Daerah Brunei dan Muara; Naib Johan, Sekolah Ugama Pekan Belait; dan ketiga, SMMP, Tutong.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Datin Hajjah Yukmas binte Mohammad, isteri kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja.

Kumpulan nashid Sekolah Ugama Belait, yang diketuai oleh Dayang Sa'adiah bte Endi yang mendapat tempat kedua dalam peraduan nashid perengkat negeri.



Sa-bahagian dari kaum ibu yang telah hadir menyaksikan sambutan Isra' dan Mi'raj perengkat negeri yang telah berlangsung di-Madrasah, Bandar Brunei. No. 2 dari kiri ia-lah Datin Hajjah Yukmas, Isteri Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Haji Awang Mohd. Zain.



Atas kiri: Kadzi Daerah Belait, Awang Abdul Salam bin Abdul Razak menyampaikan hadiah kepada pemenang pertama peraduan berzanzi dalam sambutan Isra' dan Mi'raj di-Mukim Labi.

Atas kanan: Datin Hajjah Yukmas sedang menyampaikan piala kepada ketua kumpulan nashid SMMP Pusat, Dayang Maimon bte Bagawan Khatib Haji Moshin yang telah menyandang johan dalam peraduan perengkat negeri.

Kiri: Kumpulan nashid Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong yang menyandang johan perengkat negeri.

Kanan: Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan berucap sa-belum merasmikan sambutan Isra' dan Mi'raj di-daerah tersebut.

(Gambar2 BP/JHEU)



Atas kiri: Dayang Sharifah Dorah bte Syed Mohammad ketika menyampaikan sharahan khas mengenai Isra' dan Mi'raj

Atas kanan: Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Pengerusi Jawatan Kuasa Tertinggi Sambutan ketika menyampaikan ucapan aluan.

Kanan: Penduduk2 di-Mukim Labi beramai2 menyaksikan sambutan Isra' dan Mi'raj yang di-adakan di-Bahai Raya Mukim tersebut pada hari Juma'at lepas.

LEBEH 170 ORANG MENYERTAI PERLUMBAAN JALAN KAKI PESAKA

KERIAM, TUTONG. — Perlumbaan jalan kaki jarak jauh anjoran tahunan Persatuan Melayu Keriam — PESAKA telah diadakan pada hari Khamis 9 Oktober lepas.

Lebih dari 170 orang peserta telah mengambil bahagian dalam perlumbaan kali ke-enam yang di-anjorkan oleh persatuan tersebut.

Perlumbaan itu bermula dari Kuala Tutong dan berakhir di-hadapan rumah persatuan tersebut di-Kampung Keriam.

Isi-nya di-bahagikan kepada lima bahagian — bahagian lelaki dewasa, kanak2 lelaki, perempuan dewasa dan kanak2 perempuan dan berpasokan.

Jauh perlumbaan ia-lah 10 batu bagi lelaki dewasa; 7 batu bagi peserta kanak2 lelaki dan 6 batu peserta2 perempuan dewasa dan kanak2 perempuan.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Mohamad Jamil Al-Sufri telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam perlumbaan tersebut.

Keputusan2 perlumbaan adalah seperti berikut:

Bahagian Lelaki Dewasa: Pertama — Awang Ishak bin Haji Sia, dari Kampung Sengkurong; kedua — Awang Alias bin Taha dari Persatuan Melayu Sengkarai dan ketiga — Awang Yusof bin Ibrahim juga dari Persatuan Melayu Sengkarai.

Bahagian Kanak2 Lelaki: Pertama — Awang Razali bin Zainal, dari Kampung Lubok Pulau; kedua — Awang Untong bin Nayan, dari Persatuan Belia Sengkurong dan ketiga — Awang Majid bin Ratu, dari Kampung Keriam, Tutong.

Bahagian Perempuan Dewasa: Pertama — Dayangku Sa'adiah binte Pengiran Tuah, dari Kampung Lambak; kedua — Dayangku Normah binte Pengiran Tuah, dari Kampung Lambak dan ketiga — Dayang Aspah binte Suhaili dari Persatuan Belia Kilanas.

Bahagian Kanak2 Perempuan: Pertama — Dayang Masnah binte Halim, dari Persatuan Belia Kilanas; kedua — Dayang Habibah binte Hashim juga dari Persatuan Belia Kilanas dan ketiga — Dayang Hairani binte Arbabe dari Kampung Kuala Tutong.

Bahagian Berpasokan: Pertama Persatuan Melayu Sengkarai, kedua — S.M.M.P., Tutong 'B' dan ketiga — S.M.M.P., Tutong 'A'.



Dk. Sa'adiah — pemenang pertama dalam bahagian perempuan dewasa.



Gambar atas: Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri menyampaikan piala kepada Awang Ishak, pemenang pertama dalam bahagian lelaki dewasa. Sementara gambar bawah menunjukkan peserta2 bahagian perempuan dewasa ketika memulakan perlumbaan.



Jabatan Perubatan sentiasa memberi rawatan bila2 masa

TUTONG. — Jabatan Perubatan di-Daerah Tutong sentiasa menerima penduduk2 di-Daerah itu untuk di-beri rawatan, sama ada hari2 selepas 'awam, siang atau malam.

Kenyataan mengenai perkhidmatan Perubatan di-Daerah Tutong itu telah dibentangkan dalam sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang berlangsung di-bilik persidangan Daerah pada minggu lepas.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perubatan Daerah Tutong itu menyatakan, apabila sa-saorang mendapat kemalangan yang membahayakan atau kena penyakit yang datang dengan serta merta, Pegawai Perubatan yang ditempatkan di-daerah itu sentiasa bersedia untuk di-panggil bertugas.

Kenyataan itu ada-lah sa-bagai jawapan daripada soalan bertulis yang di-kemukakan oleh Awang Haji Hanafi bin Mohammad Daud, wakil kawasan Pekan Tutong.

Tidak ada usul di-kemukakan dalam sidang itu. Majlis Mashuarat itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Saleh.

Ranchangan

bekalan ayer

Sg. Kianggeh

di-perbesar

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah memberikan kontrakt untuk membekal dan memasang alat2 pengepam bagi projek Pengepam Ayer di-Kianggeh yang berharga \$170,931.00 kepada United Engineers Singapura Berhad.

Ini ada-lah sa-bahagian dari kerja2 pembinaan projek untuk menambahkan bekalan ayer dari kolam2 ayer.

Kontrakt kerana Kejuruteraan Awam bagi projek itu masih belum lagi di-berikan dan ia-nya masih dalam pertimbalangan.

Ayer dari Sungai Kianggeh akan di-pam ka-kolam ayer Tasek untuk menambahkan bekalan ayer di-situ. Ranchangan itu kelak, akan dapat memberikan tambahan bekalan ayer sa-banyak dua juta gallon sa-hari dengan bekalan di-sepanjang tahun sa-banyak satu juta galon sa-hari.

Sa-buah tambak akan dibena menyeronangi Sungai Kianggeh, dan sa-buah stesen pengepam akan di-bena di-situ. Dari situ ayer akan di-pam melalui saluran paip sa-besar 14 inchi ka-Kolam Ayer Tasek.

Termasuk dalam ranchangan itu ia-lah pembinaan sabatang jalan kekawasan pengepam di-Sungai Kianggeh. Dua buah jambatan juga akan digunakan, satu daripada-nya jambatan konkrit dua haluan bagi menggantikan jambatan Bailey yang ada sekarang di-Sungai Barangan di-Jalan Kianggeh. Sa-buah lagi jambatan baharu jenis Bailey, menyeronangi Sungai Kianggeh.

Sungai Liang akan punyai balai pulis

BANDAR BRUNEI. — Kampung Sungai Liang di-Daerah Belait, tidak lama lagi akan mempunyai sa-buah balai pulis.

Sa-orang juruchakap pehak pulis berkata, balai pulis yang di-chadangkan itu akan dibena berdekatan dengan klinik Sungai Liang dan akan mengandungi barek2 bagi anggota2 pulis yang bertugas di-

di-situ kelak.

Sementara itu, pembinaan sa-buah kompleks balai pulis di-Lamunin, Daerah Tutong sedang berjalan dengan lancar.

Komplek yang mengandungi balai pulis, rumah merinyu, barek2 bagi anggota2 yang sudah kahwin dan yang bujang dan sa-buah kanten itu akan belanjakan kira2 \$509,000.

Perlawanan tinju amateur kejohanan sa-negeri

BANDAR BRUNEI. — Kejohanan Tinju Amateur Negeri yang ke-sembilan perengkat akhir telah di-langsungkan malam Sabtu yang lepas di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei.

Dalam perlawanan itu, dua berakhir dengan pukolan knock-out dan satu perlawanan terpaksa di-hentikan oleh pengadil.

Keputusan perlawanan menjunjukkan:—

Bahagian Light Fly Weight perengkat separoh akhir, Conrad Boyd mengalahkan Awangku Mohamed Pengiran Tajuddin. Roslee Saidi mengalahkan Roslah Arad. Dalam perlawanan pusingan kedua, Roslah membuat keputusan tidak mahu bertanding.

Bahagian Light Fly Weight perengkat akhir, Roslee Saidi mengalahkan Conrad Boyd dengan pukolan knock-out dalam pusingan kedua.

Bahagian Feather Weight perengkat separoh akhir, Abu Mansor mengalahkan Mustapha. Feather Weight perengkat akhir Abu Mansor mengalahkan Peter Chieng dengan pukolan knock - out dalam pusingan pertama.

Bahagian Fly Weight perengkat akhir Haji Raub mengalahkan Awangku Ismail dalam mana pengadil terpaksa memberhentikan perlawanan dalam pusingan pertama. Bahagian Bantam Weight akhir, Oslah Lahir mengalahkan Billy Cheong. Bahagian Light Welter Weight perengkat akhir, Terrence Boyd mengalahkan Billy Ahmad. Bahagian Light Middle Weight perengkat akhir, Noorshah mengalahkan Walter Boyd. Bahagian Light Heavy Weight ia-itu perlawanan khas Ahmad Rashid mengalahkan Timbang, dalam satu lagi perlawanan khas bahagian Atom Weight Sonny

Carson mengalahkan Stephen Tay.

Di-antara yang hadir menyaksikan perlawanan itu ialah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan; Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awang A. R. Adair dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammed Bolkiah.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammed, Yang Di-Pertua Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei.



Haji Awang Ali Khan kelihatan sedang memotong pita untuk merasmikan pembukaan pertunjokkan tersebut.

Jawatan kosong: Sa-bagai Pengawas Persatuan2 Belia

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada calon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sa - bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pengawas Persatuan2 Belia di-Jabatan Kebajikan Masharakat, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah IV Sekolah Melayu dan Menengah IV Inggeris dan mempunyai sekurang-nya 2 tahun pengalaman dalam jawatan pengawas dengan sebuah Persatuan Belia.

(b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan luas mengenai semua perihal kerja2 persatuan belia dan menjadi sa - orang pekerja luar yang chergas yang mempunyai kebolehan untuk mengatorkan dan menyusun rancangan2 untuk Per-

satuan2 Belia.

(c) Mesti bersedia untuk membuat kerja2 di-ka-wa-sa-n2 pendalaman, jika dikehendaki.

(d) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 dan 35 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C2 — \$660 x 30 — 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Oktober, 1969.

Pertunjokkan pertanian

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Haji Awang Ali Khan bin Abdul Khan telah merasmikan pertunjokkan pertanian yang telah di-adakan di-padang di-antara Jalan Bunga Raya dan Jalan Panglima di-Kuala Belait.

Pertunjokkan yang kedua kali-nya di-anjorkan oleh Daerah tersebut hanya terbuka kepada penduduk2 di-daerah Belait sahaja.

Di-antara barang2 yang telah di-pertunjokkan pada hari itu ia-lah sayur2an, buah2an, binatang2 ternakan serta pertukangan tangan dan masak2kan.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam pertunjokkan tersebut.

Persatuan Peladang Kampong Tenajor telah mendapat tempat pertama; kedua Persatuan Peladang Kampong Tunggulian dan ketiga Persatuan Peladang Kampong Sukang.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim



Perkahwinan Di-Raja

(DARI MUKA 1)

Hari Khamis malam Juma'at 30hb. Oktober, jam 7.30 malam — Istiadat Berbedak.

Hari Juma'at 31hb. Oktober, jam 4.00 petang — Istiadat Akad Nikah.

Hari Rabu 5hb. Nobember, jam 7.30 malam — Istiadat Berinai.

Hari Khamis 6hb. Nobember, jam 2.00 petang — Istiadat Bersanding di-Balai Singgahsana.

Hari Ahad 9hb. Nobember, jam 3.00 petang — Istiadat Muleh Tiga Hari.

Pada malam Isnin 10hb. Nobember, jam 7.30 malam — Istiadat Pengantin Lelaki balek ka-Istana dan pada malam itu juga mulai jam 8.30 malam Santapan Di-Raja.

Hari Isnin 10hb. Nobember, jam 2.30 petang — Istiadat Menutup Gendang Jaga2 dan sa-terus-nya makan do'a selamat di-Istana Darul Hana.

Perpustakaan DBP akan di-tambah beberapa bahagian lagi

BANDAR BRUNEI. — Dewan Bahasa dan Pustaka berchadang hendak menambahkan lagi beberapa bahagian kepada perpustakaan-nya yang ada sekarang ini supaya dapat memberikan perkhidmatan yang sa-penoh-nya kepada orang ramai.

Ini telah di-nyatakan hari ini Oleh Dayang Thelma T. Salazar, ketua bahagian Perpustakaan yang baru tiba di-sini dari Filipina.

Dayang Salazar sa - orang yang berkelulusan Serjana Muda Sains dalam bidang Pendidikan di - Universiti Perpustakaan Wanita Filipina telah mengajar ilmu sains perpustakaan di-Universiti tersebut dari tahun 1959 — 1963.

Dari bulan Nobember 1963 hingga bulan lalu, Dayang Salazar telah bekerja dengan Kerajaan Filipina.

Beliau berkata, bahawa sungguh pun bahagian untuk orang2 dewasa mempunyai 28,000 buku atas semua perkara termasuk sastera dan sains dan banyak juga buku2 fiksi namun perpustakaan itu maseh memerlukan banyak perkara lagi supaya ia dapat bertugas dengan sa-penoh-nya.

Perpustakaan itu juga mempunyai satu bahagian untuk kanak2 yang di-lengkapi dengan kemudahan2 dan buku2 untuk kanak2 yang berumur lima tahun ka-atas.



Dua wakili Brunei ka-Perhimpunan ABU

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Jabatan Penyiaran dan Penerangan telah berlepas ka-New Zealand pada hari Sabtu lepas untuk menghadiri perhimpunan Agong Kesatuan Penyiaran Asia — ABU yang ke-enam di-Auckland.

Pengiran Mohammad (kiri) dan Awang Friogut sa-belum berlepas ka-New Zealand.

Mereka ia-lah Pemangku Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Mohammad bin Pengiran Damit Matseruddin dan Ketua Jurutera, Awang Norman J. A. Friogut.

Perhimpunan yang akan berjalan sa-lama empat hari itu akan bermula pada 21 Oktober ini.

Persekutuan Penyiaran Asia yang di-tubuhkan pada 1 Julai 1964 itu ada-lah sa-buah persekutuan sa-rantau bagi persekutuan2 penyiaran kebangsaan yang letak-nya di-hujung timur Laut Mediterranean hingga ka-tengah Lautan Pacific.

Tujuan2 utama-nya ia - lah untuk membantu perkembangan dalam perkhidmatan radio dan talivisen bagi anggota-nya dan menggalakan penggunaan penyiaran untuk memupok perasaan kerjasama dan muhibbah dalam bidang pembangunan kebangsaan dan antara bangsa.

Di-samping itu ABU juga bekerjasama rapat dengan Pertubuhan Bangsa2 Bersatu dan chawangan2-nya, khas - nya UNESCO, FAO, ECAFE, dan WHO, dengan persekutuan penyiaran sa-rantau dan lain2 pertubuhan antara bangsa yang mempunyai minat dalam jurusan penyiaran. Ini termasuk-lah Yayasan Ford, Friedrich Ebert Stiftung, Yayasan Asia dan Yayasan Edward E. Ford.

Brunei yang menjadi ahli bersekutu itu ada-lah di-antara 50 perwakilan dari 37 buah negara di-jadualkan akan menghadhiri perhimpunan itu.

Perhimpunan yang ke-lima telah di-adakan di-New Delhi dalam tahun 1968.

Lawatan M. B. ka-Muara

(Dari Muka 1)

buah tambak antara Tanjong Serasa dan Pulau Muara Besar.

Rombongan itu juga berpeluang menyaksikan kerja2 mengorek pasir kira2 sa-batu

ka-laut, melalui terusan Tanjong Pelumpong yang telah di-potong sa-dalam 30 kaki itu.

Kerja2 pembenaan pelabohan ayer dalam di-Muara yang menelan belanja \$32 juta itu sekarang menchapai kema-juan2 yang pesat.

Perengkat pertama ranchangan itu yang meliputi pemotongan tanah di-Tanjong Pelumpong, mengorek pasir dan lain2 telah di-serahkan kepada Sharikat Gammon Perkongsian Hongkong chawangan Asia Tenggara dan Sharikat Yu Wing Berhad, sementara kerja2 kedua dari ranchangan itu yang membena tambak2 dan lain2 kerja telah di-berikan kepada Sharikat Daito kontraktor.

Pelabohan Ayer Dalam di-Muara itu di-jangka siap dalam bulan Disember tahun 1970 dan apabila siap nanti, ia-nya merupakan sa-buah Pelabohan yang moden di-Borneo dan mempunyai alat2 kemudahan yang serupa dengan kebanyakan Pelabohan2 besar di-Dunia.

Kata-nya, Jabatan-nya sekarang berchadang untuk mengadakan satu bahagian khas bagi buku2 dari kawasan Tenggara Asia. Satu bahagian Brunei juga akan di-adakan dalam mana akan mengandungi buku2 yang di-terbitkan di-negeri ini, buku2 mengenai Brunei termasuk sejarah dan kesusasteraan.

Lain2 bahagian yang akan di-adakan di-perpustakaan itu, ia-lah bahagian risalah, bahagian buku2 teristimewa dan bahagian buku2 yang besar sekali bentuk-nya.

Perpustakaan sekarang yang merupakan sa-buah perpustakaan tidak meminjamkan buku kepada orang ramai ada-lah di-buka pada hari2 bekerja dan hari Ahad dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam tetapi di-tutup pada hari Juma'at dan hari kelepasan awam.

D. Y. M. M. akan sampaikan hadiah2 di-Pertandingan Membacha Al-Koran Perengkat Negeri

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan berchemar duli ka-Lundang Masjid Omar Ali Saifuddin untuk menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan membacha kitab suci Al-Koran Perengkat Negeri pada 18 Oktober, malam hari Sabtu ini.

Pertandingan itu akan di-rasmikan pembukaan-nya pada malam hari Khamis, 16 Okto-

ber oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan.

Sa-ramai 20 orang peserta termasuk 10 orang perempuan akan mewakili seluruh daerah2 di-negeri ini yang terdiri dari johan2 dan naib2 johan daerah masing2.

Daerah Brunei dan Muara akan di-wakili oleh sa-ramai empat orang qari dan empat orang qariah, sementara Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong akan di-wakili oleh

dua gari dan dua qariah yang telah di-pilih dalam peraduan2 yang telah di-langsungkan oleh daerah2 tersebut.

Qari dan qariah yang berjaya menjadi johan dan naib-johan dalam pertandingan perengkat negeri itu akan mewakili Negeri Brunei ka-pertandingan perengkat antara bangsa yang akan berlangsung di-Kuala Lumpur dalam masa bulan puasa ini.

Johan qari dan qariah itu juga akan menerima hadiah tambang perchuma dari Kerajaan untuk menunaikan fardhu haji ka-Mekah.